

# Kerajaan perkenal strategi baru belanjawan

UM 24 AUG 2002

KUALA LUMPUR 23 Ogos — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, kerajaan akan memperkenalkan strategi baru dalam belanjawan tahun depan sebagai usaha meneruskan pembangunan pesat negara.

Perdana Menteri berkata, strategi itu amat memerlukan sokongan dan kerjasama daripada masyarakat perniagaan untuk menjamin kejayaannya.

“Saya berharap masyarakat perniagaan akan dapat membantu kerajaan mencapai matlamat belanjawan kali ini, katanya tanpa menyebut bentuk strategi baru tersebut.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada majlis makan malam sempena ulang tahun ke-10 Persatuan Malaysia Selatan Selatan (MASSA) di sini malam ini.

Turut hadir ialah isteri beliau, Datin Seri Dr. Siti Hasmah Mohd. Ah, Presiden MASSA, Tan Sri Azman Hashim dan Duta beberapa buah negara Selatan Selatan.

Dr. Mahathir berkata, selain membantu membangunkan negara, kerajaan juga mengharapkan masyarakat perniagaan Malaysia dapat terus mengharumkan nama negara di peringkat dunia menerusi pelaburan mereka.

Katanya, sedikit masa lalu, Malaysia tidak dikenali berbanding beberapa negara Asia Tenggara sehingga ada yang beranggapan Malaysia berada di Afrika, India atau China.

“Dan yang paling saya tidak

suka ialah bila orang menvatakan Malaysia berada dekat Singapura. Saya selalu betulkan dengan menyatakan bahawa Singapura yang berada dekat Malaysia,” katanya.

Beliau berkata, pada waktu itu, rakyat Malaysia takut untuk ke luar negara kerana mereka bimbang akan hilang kesesediaan berikutan keadaan, orang, undang-undang, polisi dan amalan yang berbeza.

“Sebab itu saya tarik mereka

(ahli perniagaan) keluar negara dan sekarang mereka sudah berani dan kerap ke luar negara termasuk semata-mata untuk menonton bola sepak di England,” katanya.

Justeru, katanya, langkah kerajaan membawa delegasi ahli perniagaan Malaysia ke tiga buah negara Amerika Latin pada bulan Jun 1991 adalah langkah permulaan yang tepat kepada usahanya itu.

Katanya, sejak itu wujud kerja-

sama Selatan Selatan dan juga tertubuhnya MASSA sehingga Malaysia kini begitu dikenali di seluruh dunia.

Dr. Mahathir juga menyifatkan perjalanan ke Amerika Latin menggunakan pesawat sewa khas itu sebagai perjalanan yang paling diingatinya.

“Bukan yang lain tidak diingati tetapi yang ini lebih diingati sebab ia merupakan yang pertama,” katanya.